

29/08/1998

500 berpeluang sertai konvoi pandu Proton

KUALA LUMPUR, Jumaat - Lima ratus pelanggan pertama yang mengunjungi EON Finance Berhad di seluruh negara, berpeluang menyertai 'EON Pandu Proton Merdeka Jambatan Pulau Pinang' secara percuma.

Konvoi itu yang akan melintasi Jambatan Pulau Pinang sempena Hari Kemerdekaan Ke-41, membabitkan hampir 2,000 kereta Proton dan diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut kenyataan EON, Dr Mahathir akan menaiki Proton Wira yang menyertai ekspedisi ke Kutub Utara.

Konvoi terpanjang yang membabitkan kereta buatan Malaysia itu akan dicatat dalam Malaysia Book of Records dan Guinness Book of World Records.

Tawaran Eon Finance itu membolehkan pelanggannya menyertai konvoi tanpa membayar yuran RM100, malah turut menerima berbagai cenderamata termasuk memenangi cabutan bertuah dan penulisan slogan berupa Proton Iswara Aeroback bernilai RM30,000 serta wang tunai sehingga RM20,000.

Menurut kenyataan itu, dalam menghadapi kegawatan ekonomi negara, acara konvoi itu boleh dilihat sebagai semangat 'Malaysia Boleh' dan muhibah di kalangan rakyat.

(END)